MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

http://www.parlimen.gov.my

HARI SELASA, 11 DISEMBER 2012, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 23

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1253-L15560
Puan Norliza binti Abdul Rahim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dengan penambahan *'in patient'* di hospital-hospital Kerajaan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan bilangan katil mencukupi dan memenuhi syarat *World Health Organization Standard*.

2. PN-1253-L15887
Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah mekanisme bakal diguna-pakai di bawah Pelan Pembangunan (PPM) dalam usaha memperkasakan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama oleh semua peringkat masyarakat berbilang kaum.

3. PN-1253-L16144
Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan kebanjiran iklan-iklan pinjaman berlesen, khidmat urut dan sebagainya yang dilekatkan di merata tempat, sedikit sebanyak mencacatkan usaha pihak DBKL untuk menjadikan Kuala Lumpur setaraf dengan Bandaraya lain di dunia. Sejauh mana usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak DBKL untuk mengatasi masalah ini memandangkan tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab ini masih berleluasa.

4. PN-1253-L15932
Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah Transformasi Pendidikan Nasional 2013-2025 telah memberi perhatian kepada kepentingan sekolah agama rakyat di negara ini terutama dalam menyediakan prasarana dan silibus yang bersesuaian dengan aliran sekolah arus perdana.

5. PN-1253-L15580
Datuk Pau Chiong Ung minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

   (a) adakah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) mengakui soal selidik terdekat yang menamakan pemandu teksi Kuala Lumpur sebagai pemandu paling teruk di dunia dan apakah tindakan SPAD untuk mengubah keadaan tersebut; dan

(b) adakah masalah tabiat pemandu teksi yang teruk tersebut disebabkan oleh kesusahan permohonan lesen pemilikan teksi peribadi, masalah kesesakan lalu-lintas, keadaan jalan yang tidak memuaskan serta tarif yang rendah menyebabkan pendapatan pemandu teksi tidak mencukupi.

6. PN-1253-L15907
Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam usaha mengindah dan mencantikkan Pulau Gaya seterusnya menjadikan pulau ini salah sebuah pulau pelancongan terkemuka di Sabah.

7. PN-1253-L15815
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan strategi bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan-graduan dengan nilai-nilai kreatif, inovatif dan keusahawanan. Bila dan bagaimanakah strategi ini dapat dilaksanakan.

8. PN-1253-L15403
To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan bersetuju dengan penubuhan Pusat Mediasi Islam untuk menyelesaikan kes pertikaian membabitkan orang Islam secara efektif, cepat dan murah sebagaimana yang dicadangkan oleh Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM).

9. PN-1253-L15542
Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah diambil oleh pihak Kementerian untuk mengelakkan kemalangan kenderaan berlaku akibat daripada haiwan seperti lembu memasuki kawasan lebuh raya.

10. PN-1253-L15875
Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah produk kesihatan dan kecantikan keluaran syarikat tempatan dan luar negara yang telah dirampas kerana dikenal pasti mengandungi racun serta membahayakan kesihatan pengguna, serta langkah-langkah bagi mencegah kebanjiran produk sedemikian di negara ini dan langkah-langkah bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai bahaya produk sedemikian.

11. PN-1253-L15623
Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan menaikkan jumlah pelepasan cukai ke atas pembelian buku-buku yang pada masa ini berjumlah hanya RM1000 setahun bagi menggalakkan budaya membaca di kalangan masyarakat Malaysia.

12. PN-1253-L16098
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian menangani permasalahan parkir untuk motosikal di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur sangat terhad berbanding dengan jumlah motosikal yang sentiasa meningkat. Ini telah menyebabkan berlaku banyak masalah seperti pengguna motosikal akan sewenang-wenangnya meletakkan motosikal di merata tempat termasuk di tempat letak kereta yang mana ia mengganggu pengguna kenderaan lain dan pejalan kaki. Selain itu jarak di antara parkir motor juga agak jauh dan tahap keselamatan terhadap motosikal di parkir agak rendah.

13. PN-1253-L15372
Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status dan cadangan penswastaan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan kesannya terhadap organisasi tersebut yang jika dinilai, merupakan satu-satunya organisasi yang masih menggunakan perkataan 'Melayu' pada jenamanya.

14. PN-1253-L15609
Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keupayaan Malaysia dalam hal pembuatan ubat-ubat generik.

15. PN-1253-L15520
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah jaminan yang dikeluarkan oleh Danajamin Nasional Berhad (Danajamin) kepada syarikat-syarikat mengikut sektor perniagaan yang telah mendapat kemudahan tersebut sejak tiga tahun lalu. Nyatakan apakah Danajamin mampu memberi impak besar ke atas perkembangan pasaran tempatan. Jika ya, apakah Kerajaan mempunyai strategi ke arah memperkemas dana berkenaan selari dengan tuntutan semasa negara melalui Model Baru Ekonomi (MBE) negara.

16. PN-1253-L15771
Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah kontraktor dan usahawan kecil Bumiputera dapat memanfaatkan pembangunan Projek RAPID Pengerang Johor *(Refineries and Petroleum Industries Integrated District)* yang bakal menjadi kawasan baru industri minyak dan gas di Johor serta garis panduan yang jelas mengenai jumlah pakej kerja yang bakal diberikan dan bagaimanakah cara pelaksanaan bidaan atau tawaran yang akan dibuat.

17. PN-1253-L15460
Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian memperkasakan subjek Sejarah dalam usaha menjadikan ia salah satu subjek teras di peringkat sekolah rendah dan menengah.

18. PN-1253-L16031
Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sebenarnya isu dan faktor yang telah menyebabkan penangguhan perlaksanaan GST *(Goods & Services Tax)* di Malaysia yang telah dirancang sejak tahun 1992 lagi dan apakah benar GST akan menurunkan dalam jangka masa panjang Tingkat Harga Umum barangan di Malaysia. Jika benar mengapakah Kementerian Kewangan teragak-agak untuk melaksanakan GST di Malaysia.

19. PN-1253-L15867
Dato' Boon Som a/l Inong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah langkah-langkah telah diambil untuk memaklumkan kepada semua Kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan mengenai pengiktirafan Kerajaan terhadap status masyarakat Siam sebagai Bumiputera, memandangkan maklum balas daripada peringkat akar umbi menyatakan masih banyak jabatan dan agensi Kerajaan yang tidak mendapat makluman mengenainya.

20. PN-1253-L15816
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi isu lebih 200,000 orang belia yang berusia antara 17 hingga 40 tahun yang tidak mempunyai lesen memandu. Adakah Kementerian bercadang untuk meluaskan program “JPJ Turun Padang” bagi menangani isu ini.

21. PN-1253-L15406
To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah penuntut pasca siswazah di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah yang berdaftar di IPT masa kini dan sejauh manakah program pasca siswazah di IPT dapat melahirkan modal insan negara yang berinovasi dan kreatif bagi membangunkan negara sebagai negara maju menjelang 2020.

22. PN-1253-L15390
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh manakah langkah-langkah Kementerian untuk mengkomersialkan biofuel bagi pengangkutan termasuk etanol, biodiesel dan bahan api cecair dan gas bagi menggantikan petroleum.

23. PN-1253-L15966
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah jenis jenayah yang disisihkan daripada statistik jenayah PDRM sebagai pematuhan kepada Bidang Keberhasilan Utama.

24. PN-1253-L15488
Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimana Kerajaan bercadang memupuk nilai kesedaran terhadap generasi muda berkaitan tanggungjawab mereka terhadap ibu bapa terutamanya dalam hal pemberian nafkah supaya tidak berlaku kes di mana kes-kes pemberian nafkah terpaksa dibawa ke peringkat mahkamah untuk diputuskan.

25. PN-1253-L15603
Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan peruntukan undang-undang yang digunapakai oleh pihak polis untuk mengeluarkan permit ceramah/himpunan semasa tempoh kempen pilihan raya di bawah Seksyen 24(b) Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 dengan mengambil kira pemansuhan Seksyen 27 Akta Polis dan ketidakpemakaian Akta Himpunan Aman 2012.

26. PN-1253-L15510
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk menstabilkan harga kereta yang dijual di pasaran tempatan agar lebih mesra pengguna dan berdaya saing serta melindungi hak-hak kebajikan pengguna seluruhnya.

27. PN-1253-L15440
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah terdapat garis panduan berpakaian di kalangan golongan artis tempatan terutamanya yang beragama Islam dan apakah peranan pihak Kementerian dan pihak yang bertanggungjawab dalam penapisan filem terhadap tayangan hantu, mistik dan seram yang semakin berleluasa dan dikenal pasti antara punca banyak penyakit kes-kes mental di negara ini.

28. PN-1253-L16087
Datuk Hj Saat bin Hj Abu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan satu dasar bagi pembantu rumah yang beragama Islam daripada mana-mana negara yang bekerja di Malaysia, dikehendaki yang beragama Islam mestilah bekerja dengan majikan yang sama agama dengannya bagi negara Malaysia ini.

29. PN-1253-L15747
Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik bilangan bayi luar nikah yang dilahirkan oleh gadis di bawah umur 18 tahun bagi tahun 2012. Apakah jenis-jenis bantuan yang telah diberikan kepada ibu di bawah umur ini. Adakah lelaki yang terlibat dalam kes-kes ini dilaporkan dan tindakan sewajarnya diambil ke atas mereka.

30. PN-1253-L15718
Tuan Chiew Lian Keng minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kriteria yang perlu dipenuhi oleh pelajar asing untuk mengekalkan status visa pelajar mereka ketika telah masuk ke negara ini serta proses dan sistem yang disediakan untuk memastikan pelajar-pelajar asing yang menuntut di Malaysia memenuhi kriteria ini.

31. PN-1253-L15670
Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji semula kadar sumbangan untuk mengurangkan kos pembinaan memandangkan rungutan daripada pemaju perumahan bahawa kos sumbangan kepada TNB, IWK, JPS dan lain-lain agensi adalah salah satu sebab kenaikan kos pembinaan dan harga jualan rumah.

32. PN-1253-L15899
Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kementerian merasakan perlu untuk bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran dalam memperkenalkan subjek "Kepenggunaan" kepada murid dan pelajar bermula daripada peringkat sekolah rendah kerana ternyata ia akan memberikan manfaat pada mereka dan negara pada masa hadapan.

33. PN-1253-L16011
Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan dan peratus pengetua sekolah menengah berketurunan India.

34. PN-1253-L15793
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perkembangan dan jumlah pengambilan kemasukan pembantu-pembantu rumah dari Indonesia, Kemboja, Filipina dan negara-negara lain.

35. PN-1253-L15430
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan statistik anggota tentera yang telah menyertai program dan latihan PERHEBAT dan jumlah yang berjaya dalam bidang yang berkaitan.

36. PN-1253-L15955
Puan Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mengadakan dasar menukar botol plastik kepada botol kaca sebagaimana yang digunakan pada sekitar tahun 70-an dan 80-an dulu bagi menjaga alam sekitar kita.

37. PN-1253-L15626
Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah penerima amaun tambahan selaras dengan Seksyen 58, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, seperti yang ditetapkan di bawah Jadual Kelima dan Jadual Keenam akta tersebut menurut pecahan tahun sejak 2002 hingga 2012.

38. PN-1253-L15461
Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah benar Syarikat GLC Pempena mengalami kerugian mencecah RM500 juta. Jika benar, apakah sebab-sebab kerugian itu berlaku dan apakah tindakan yang telah diambil.

39. PN-1253-L16046
Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh mana program MAHA telah berjaya membantu industri pertanian dalam negara berkembang dan adakah industri pertanian dalam negara berjaya menambah nilai eksport yang ketara kepada negara. Sila berikan pecahan dan nilai eksport produk-produk pertanian negara bagi 5 tahun sebelum ini.

40. PN-1253-L15653
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan impak para *hypermarket* terhadap para peniaga runcit dan para pengguna. Adakah Kementerian berpendapat bahawa bilangan *hypermarket* di bandar-bandar perlu dihadkan untuk menjaga kepentingan para peruncit kecil.

41. PN-1253-L15701
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:-

(a) jumlah terkini rumah anak yatim, pusat perlindungan wanita serta rumah orang-orang tua di Labuan; dan

(b) apakah pelan tindakan Kerajaan Pusat dalam menambah-baikkan pusat-pusat tersebut di Labuan demi menjaga kebajikan golongan sasaran.

42. PN-1253-L15565
Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bahawa salah satu sebab kemalangan kenderaan adalah kerana kereta-kereta kecil diisi dengan ramai penumpang. Maka kereta itu terlalu berat dan pemandu tidak dapat mengawal keretanya. Adakah pihak Kementerian mempunyai cadangan untuk mengatasi masalah tersebut.

43. PN-1253-L15943
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah wanita asing yang ditangkap memasuki negara ini tanpa izin dan mereka yang terlibat dengan aktiviti tidak bermoral dan apakah tindakan yang dilakukan bagi mengelak wanita ini memasuki negara ini di masa akan datang.

44. PN-1253-L15389
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf Unit Pusat Hemodialisis yang mencukupi di setiap daerah, memandangkan jumlah pesakit buah pinggang yang kian bertambah.

45. PN-1253-L15842
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah sebarang usaha dari pihak Kerajaan untuk memanggil individu-individu bukan Islam yang sedang hebat memperlecehkan peruntukan amalan di dalam agama Islam, contohnya aplikasi hukum hudud, bagi memberikan penerangan yang jelas kepada mereka tentang apa itu sebenarnya hukum hudud dalam sistem perundangan Islam, serta apakah peruntukan undang-undang di dalam negara ini bagi menghukum golongan yang berterusan dengan sengaja menghina hukum-hukum yang termaktub di dalam sistem perundangan Islam bagi tujuan untuk menimbulkan keresahan dan kerisauan di kalangan masyarakat.

46. PN-1253-L15679
Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah kementerian akan melaksanakan *'graduate employability taskforce'* dan apakah KPI yang dijangka dicapai melalui *'taskforce'* ini.

47. PN-1253-L16034
Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan kes penderaan oleh kakitangan bagi tahun 2010 hingga 2012 dan nyatakan langkah-langkah melindungi kanak-kanak yang terlibat dengan penderaan.

48. PN-1253-L15641
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah semua NGO, Lembaga Pengurus Sekolah, Pertubuhan Agama dan lain-lain perlu mengemukakan penyata akaun kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Adakah tindakan tersebut akan menyusahkan pihak-pihak yang berkenaan khususnya NGO-NGO yang kecil.

49. PN-1253-L15935
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sokongan dan bentuk bantuan (moral dan material) yang diberikan oleh Kementerian-kementerian yang lain terhadap langkah Dewan Bahasa & Pustaka dalam Gerakan Pemantauan Bahasa.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1.	(D.R. 31/2012)	Rang Undang-undang Perbekalan 2013 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang."** **(10 Disember, 2012)** **[Menteri Kewangan]**	
2.	(D.R. 35/2012)	Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2012 **[Menteri Kewangan]**	**Bacaan Kali Yang Kedua**
3.	(D.R. 40/2012)	Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan 2012 **[Menteri Kewangan]**	"
4.	(D.R. 41/2012)	Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan Islam 2012 **[Menteri Kewangan]**	"
5.	(D.R. 39/2012)	Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2012 **[Menteri Kewangan]**	"
6.	(D.R. 37/2012)	Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2012 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang."** **(4 Disember, 2012)** **[Menteri Di Jabatan Perdana Menteri]**	
7.	(D.R. 32/2012)	Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012 **[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**	"
8.	(D.R. 38/2012)	Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2012 **[Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]**	"

9.	(D.R. 43/2012)	Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 2012 **[Menteri Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan]**	“
10.	(D.R. 42/2012)	Rang Undang-undang Binatang (Pindaan) 2012 **[Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani]**	“

11. PN-1253-U15525
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan supaya disegerakan proses memansuhkan hukuman mati mandatori berdasarkan kepada maklumat berikut:- Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, beliau akan mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam masa terdekat bagi membincangkan mengenai satu inisiatif akan dilakukan bagi mewujudkan moratium (penangguhan) terhadap hukuman mati terhadap mereka yang didapati bersalah memiliki dadah. Mohamed Nazri menegaskan yang Kerajaan sedang menimbang cadangan menangguhkan pelaksanaan hukuman mati terhadap pesalah dadah di negara ini sementara menunggu hasil kajian semula yang dijalankan Pejabat Peguam Negara. Katanya hukuman ganti kes pemilikan dadah sedang dikaji Pejabat Peguam Negara. Sementara, Mohamed Nazri akan berbincang dengan Perdana Menteri supaya kes pemilikan dadah, mereka yang dijatuhi hukuman (mati), akan diminta moratium, jangan digantung sebab Kerajaan kita sedang meneliti hukuman sedia ada. Mohamed Nazri juga berkata, permohonan moratium itu wajar memandangkan sebahagian daripada 900 orang yang sedang menunggu hukuman mati ketika ini adalah pesalah dadah. Perlu disebut, kajian ini dilakukan bertujuan menyelamatkan nyawa rakyat Malaysia di luar negara seperti China, Columbia, Peru dan Venezuela yang berdepan hukuman mati akibat menjadi keldai dadah. Antara hukuman terbaik bagi menggantikan hukuman mati mandatori bagi pesalah dadah, Mohamed Nazri berkata, hukuman penjara 30 atau 35 tahun boleh dikenakan kerana kesalahan itu tidak lagi dianggap serius seperti jenayah pembunuhan. Jika hukuman mati mandatori bagi kesalahan dadah dimansuhkan, hakim akan menggunakan budi bicara dalam menentukan hukuman bagi pesalah dadah. Justeru, berdasarkan kepada senario berkaitan, saya mencadangkan agar Kerajaan mempercepatkan proses berkenaan. Jika perlu, satu jawatankuasa khas di peringkat Parlimen wajar diadakan. Ini penting demi untuk keharmonian dan kemakmuran sejagat dan kebajikan kepada keluarga para pesalah."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

12. PN-1253-U15526
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan dan mengesa agar kebebasan media berlaku secara sistematik, berhemah dan berintegriti. Tanggapan kebebasan media bagi pemimpin politik berdasarkan kebebasan untuk media yang hanya menyebelahi mereka dan yang seiring dengan mereka sahaja. Politik dan media sememangnya saling memerlukan. Orang politik memerlukan media untuk mempromosi diri dan wawasan mereka dan media pula memerlukan ahli politik sebagai bahan penulisan mereka. Lazimnya hubungan antara ahli politik dan media bagaimanapun tidak selalu kekal harmoni sepanjang masa. Lazimnya ahli politik akan menyanjung media apabila cerita-cerita positif tentang mereka dilaporkan. Namun begitu,apabila berita yang dilaporkan itu tidak positif, media akan dipersalahkan kononnya untuk menjatuhkan reputasi ahli politik terlibat. Kini telah menjadi satu trend apabila media dijadikan “punching bag” oleh ahli politik untuk menafikan berita yang tidak memihak kepada mereka. Ironinya, pihak yang menjadikan media sasaran saman yang rata-rata angkanya mencecah jutaan ringgit dan pihak sama juga yang melaung-laungkan tentang kebebasan bersuara dan menuntut kebebasan media di negara ini. Keadaan berkenaan bukan melibatkan ahli politik sahaja tetapi meliputi sebuah masyarakat dalam konteks kebebasan media. Dan pengamal media yang berintegriti tidak takut untuk mempersembahkan berita berdasarkan fakta. Berani kerana benar. Mereka tidak takut dikritik mahupun menerima kutukan oleh pelbagai pihak. Justeru, bagi menentukan kebebasan media berlaku secara sistematik, berhemah dan berintegriti, apakah pihak Kementerian sedang merangka atau menggubal ke arah mana media negara ini sedang berada. Apakah kerajaan sedar bahawa satu majlis media kebangsaan perlu diwujudkan dan pertubuhan rasmi ini akan menjadi pemantau bagi kedua-dua pihak iaitu pengamal media dan masyarakat. "

[Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]

13. PN-1253-U15527
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar institusi kewangan mempertimbangkan untuk mempermudahkan pemberian pinjaman kepada pencipta produk inovasi termasuk membabitkan teknologi hijau dalam usaha melahirkan lebih ramai lagi generasi pencipta. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili menegaskan bahawa sehingga kini banyak syarikat yang mahu membuat pinjaman untuk menjayakan penciptaan sesuatu produk, namun tidak dapat berbuat demikian ekoran syarat ketat institusi kewangan. Justeru, kerana mereka tidak mempunyai rujukan kejayaan lampau ciptaan berkenaan dan menganggap ia sukar dipasarkan. Untuk tujuan itu, pihak kementerian wajar membentuk satu jawatankuasa khas dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta Kementerian Kewangan untuk menyelaras kaedah bagi membantu pencipta terbabit. Kita juga berharap agar peserta atau pemohon dibantu dengan segera, sekali gus dapat menyelesaikan masalah pertimbangan insitusi kewangan yang memproses permohonan itu mengikut prinsip perbankan biasa. Saya juga mencadangkan agar insitusi kewangan mempertimbangkan untuk memberi nilai kepada hak intelek sesuatu produk inovasi yang dibentangkan pencipta bagi proses permohonan pinjaman.

Jika ini dapat dilakukan, sudah pasti akan membantu dan menggalakkan para pencipta untuk menghasilkan produk yang bukan sahaja dapat memanfaatkan kepada masyarakat, bahkan dikomersialkan bagi menjana pendapatan yang tinggi."

[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]

14. PN-1253-U15528
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyarankan agar penglibatan sektor swasta juga diambil kira dalam memantapkan Pelan Pembangunan Pendidikan (PPP) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini yang menekankan kepada konsep ilmu yang mampu dimanfaatkan oleh generasi yang akan datang iaitu selari dengan tuntutan semasa dunia/global. Pelan berkenaan cukup rapi dan kemas di dalam mencipta hala tuju negara ke arah negara maju pada tahun 2020. Pelan yang mantap berkenaan semestinya memerlukan pemahaman dan pelaksanaan yang strategik di kalangan warga pendidik, ibu bapa dan para pelajar. Pelan yang mempunyai tiga gelombang iaitu pada 2013-2015; 2015-2020 dan 2020-2025 itu telah mengambil kira pelbagai harapan, rintangan, cabaran, situasi dunia dan perkembangan kemahiran di kalangan masyarakat. Contohnya, apakah vokasional dan kemahiran (hand-on) telah dihidupkan dan diperkemaskan yang wajar diperkembangkan kepada para pelajar di peringkat sekolah menengah lagi. Ianya sebagai usaha untuk mengimbangi di antara ilmu bersifat akademik dan bersifat kemahiran. Kedua-duanya sudah pasti akan menjadikan negara kita lebih maju di dalam aspek pelajaran dan pembelajaran. Menyedari hakikat berkenaan, saya merasakan pelan berkenaan akan lebih mantap sekiranya peranan sektor swasta diambil kira. Pihak swasta akan menjadi pemangkin kepada konsep pembelajaran sepanjang hayat. Semua firma dan kilang-kilang bertaraf antarabangsa perlu melaksanakan CSR mereka dan memberi ruang/ peruntukan kewangan kepada para pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Konsep ini telah dilaksanakan dengan jayanya di Australia dan Jerman. Sementara, para pelajar lepasan institusi kemahiran perlu difikirkan tentang ganjaran kepada mereka melebihi daripada yang berasaskan akademik semata-semata. Di masa sama, universiti awam/swasta hendaklah diperbanyakkan di negara ini sehingga peringkat PhD. Lebih penting supaya hasrat pelan ini menjadi kenyataan selari dengan Model Baru Ekonomi (MBE) ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi."

[Menteri Pelajaran]

15. PN-1253-U15529
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyaran dan mencadangkan agar projek Perumahan Rakyat PR1MA di perbanyakkan lagi dan proses permohonannya dipermudahkan memandangkan rumah atau perlindungan merupakan salah satu keperluan manusia di dunia ini. Rumah juga merupakan suatu jaminan keselamatan dan kesihatan kepada penduduk dunia. Akibat kekurangan rumah atau tempat tinggal yang tidak terurus atau tidak menepati piawaian atau tidak lengkap atau tidak sesuai didiami, sudah tentu akan mewujudkan penyakit masyarakat yang lain termasuk penyalahgunaan najis dadah, kecurian, rogol, rompak, samun dan lain-lain.

Atas sifat dan kesedaran akan kepentingan rumah kepada penduduk negara ini, pelbagai program telah dilaksanakan antaranya rumah mesra rakyat, rumah PPRT, rumah mampu milik dan rumah kos rendah/sederhana yang telah mendapat sambutan hangat di kalangan rakyat. Namun, melihat kepada penduduk negara kita yang berkembang pada kadar 3.5% setahun, saya rasa pertambahan berkenaan terus meningkat kepada keperluan rumah untuk berlindung. Justeru, pengekalan dan pelaksanaan rumah PRIMA adalah antara yang terbaik terutamanya di kalangan penduduk bandar. Bagaimanapun bilangan rumah berkenaan masih kecil dan perlu diperbanyakkan lagi. Saya suka mencadangkan agar pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terus memberi ruang kepada GLC atau anak syarikat Kerajaan negeri untuk membina rumah PRIMA di samping SPNB dan UDA. Sementara, KPKT juga diminta mempermudahkan proses permohonan secara on-line dan memberikan jawapan segera terhadap permohonan berkenaan. Ini penting sebagai slogan “Rumahku Syurgaku” yang memberi kesan psikologi kepada pemohon (rakyat) kerana dirasakan mereka dihargai. Kalau sesuai, rumah kedua/ketiga juga boleh ditimbangkan kepada pemohon sekiranya berlaku lambakan kepada rumah-rumah PRIMA."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (DEWAN NEGARA)

TAHUN 2012	RISALAT/DOKUMEN	TARIKH DIBENTANGKAN
ST.49	Akta Fi 1951 Perintah Fi (Muzium dan Pameran) (Jabatan Muzium Malaysia) 2012	11 Disember 2012
ST.54	Akta Audit 1957 Perintah Audit (Pindaan Jadual Pertama) 2012	11 Disember 2012
ST.61	Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Caj Lampau Tempoh) 2012. - Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011	11 Disember 2012
ST.65	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Bagi Tahun 2011	11 Disember 2012
ST.68	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Bagi Tahun 2011	11 Disember 2012
ST.71	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Bagi Tahun 2011	11 Disember 2012
ST.73	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) Bagi Tahun 2011	11 Disember 2012
ST.74	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) Bagi Tahun 2011	11 Disember 2012
ST.76	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) Bagi Tahun 2011	11 Disember 2012
ST.77	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia Bagi Tahun 2011	11 Disember 2012

TAHUN 2012	RISALAT/DOKUMEN	TARIKH DIBENTANGKAN
ST.79	Peraturan-Peraturan Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2012. - Akta Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2009	11 Disember 2012
ST.80	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang Di-Pertua – Yang Di-Pertua Negeri Bagi Tahun 2011	11 Disember 2012
ST.81	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Bagi Tahun 2011	11 Disember 2012
ST.82	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Bagi Tahun 2011	11 Disember 2012
ST.96	Akta Eksais 1976 Perintah Duti Eksais 2012 P.U (A) 350 bertarikh 29 Oktober 2012	11 Disember 2012
ST.97	Akta Eksais 1976 Perintah Duti Eksais (Kenderaan Bermotor) (Bayaran) 2012 P.U (A) 351 bertarikh 29 Oktober 2012	11 Disember 2012
ST.98	Akta Cukai Jualan 1972 Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai No.1) 2012 P.U (A) 354 bertarikh 29 Oktober 2012	11 Disember 2012
ST.99	Akta Cukai Jualan 1972 Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai No.2) 2012 P.U (A) 355 bertarikh 29 Oktober 2012	11 Disember 2012